

22 APR 2001

Zainuddin- Chandra

ZAINUDDIN ALU PENDIRIAN CHANDRA MUZAFFAR

KUALA LUMPUR, 22 April (Bernama) -- Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan Datuk Zainuddin Maidin mengalu-alukan sikap Timbalan Presiden Parti Keadilan Nasional (Keadilan) Dr Chandra Muzaffar menerima konsep Wawasan 2020 yang mengutamakan prinsip demokrasi permuafakatan.

Beliau berkata sikap Chandra itu menunjukkan bahawa beliau (Chandra) menolak konsep politik "jampi dan benci" yang diamalkan oleh Barisan Alternatif.

"Kenyataan itu sangat tepat masanya kerana ia memantapkan satu keadaan yang tidak pasti yang telah diamankan oleh pasukan keselamatan yang berjaya mematahkan politik jalanan yang hendak menjatuhkan kerajaan secara kekerasan," kata Zainuddin dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Dalam temu bual eksklusif yang disiarkan oleh Minggu Malaysia, Chandra telah menegaskan bahawa matlamat demokrasi rakyat Malaysia yang terkandung dalam Wawasan 2020, disifatkan sebagai demokrasi muafakat.

Zainuddin berkata pendapat Chandra menunjukkan kefahamannya yang mendalam terhadap bahaya politik jalanan.

"Sesiapa yang membaca sepenuhnya temu bual tersebut akan memahami dengan jelas bahawa Chandra tetap menerima Wawasan 2020 Dr Mahathir Mohamad dan pencapaian pemimpin itu setakat ini," katanya.

Zainuddin menolak anggapan Chandra bahawa lidah pengarang Utusan Malaysia tidak pernah mengkritik Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Malah Chandra pun tahu beliau dan rakan-rakannya pernah menulis rencana-rencana yang kritikal sebelum berlakunya perubahan politik dalam akhbar yang dianggap sebagai akhbar parti pemerintah," katanya.

"Dari pengalaman saya campur tangan politik dalam akhbar pemerintah sebelum penyingkiran Datuk Seri Anwar Ibrahim pada tahun 1998 adalah sangat dahsyat, malah akhbar-akhbar dikuasai dari pejabat Timbalan Perdana Menteri dan bukan dari Jabatan Perdana Menteri," tegas beliau.

Dalam soal kronisme pula, beliau berkata Dr Chandra tidak seharusnya dikelirukan dari realiti yang sebenar bahawa kroni yang lebih besar ialah kroni yang telah keluar atau dikeluarkan dari Umno dan menyertai Keadilan.

Mereka inilah yang mempunyai kekayaan berjuta-juta ringgit di dalam dan luar negara dan keupayaan golongan Keadilan mengadakan demonstrasi jalanan adalah kerana bekas kroni Umno ini sanggup membiayai, katanya.

Zainuddin berharap Chandra, sebagai seorang intelektual, dapat melihat keadaan sekarang dengan perspektif yang lebih adil dan objektif.

-- BERNAMA

MUN AKT RI